

MEDIA CLIPPING

Client :	Heng Huat Resources Group Berhad	Date :	1 July 2014
Media :	Berita Harian	Section :	Business
Language :	Malay		

“Heng Huat to set up subsidiary in China”

Heng Huat rancang tubuh anak syarikat di China



Dari kiri Pengarah Urusan Kumpulan K&N Kenanga Holdings Berhad, Chay Wai Leong; Pengerusi Heng Huat Resources Group Berhad (HHRGB), Datuk Juzilman Basri; Choon Seng dan Timbalan Pengarah Urusan HHRGB, Kee Swee Lai melihat buku Prospektus HHRGB pada **majlis pelancaran prospektus IPO Heng Huat Resources Group Berhad** di Georgetown, semalam. (FOTO DANIAL SAAD/BH)

Heng Huat Resources Group Berhad, pengeluar bersepadu kelapa sawit dan produk biomas, merancang mengukuhkan operasinya di China dengan menubuhkan anak syarikat bagi memenuhi permintaan ke atas serat tandan kosong (EFB) yang semakin

meningkat di negara itu.

Pengasas Bersama merangkap Pengarah Urusannya, H'ng Choon Seng, berkata masanya sudah tiba untuk kumpulan itu meluaskan jangkauannya dengan memasukkan China dalam strategi pengembangannya.

Katanya, eksport serat EFB kumpulan ke China dengan ketara sejak beberapa tahun lalu, daripada RM18.7 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 kepada RM40.7 juta tahun lalu.

“Menerusi rancangan pembukaan anak syarikat di

China, kami dapat meningkatkan rangkaian di negara yang ramai pengguna itu” katanya pada majlis pelancaran prospektus IPO syarikat itu di Georgetown, semalam.

Rancang tubuh anak syarikat

Beliau berkata, bergantung kepada kelulusan pihak berkuasa China, kumpulan itu merancang menubuhkan anak syarikat di wilayah selatan China pada suku pertama 2015.

Ditubuhkan pada 1997, Heng Huat kini mempunyai tiga kilang pemrosesan bijisim kelapa sawit, masing-masing di Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan.

Heng Huat melancarkan prospektus tawaran awam permulaan (IPO) sempena penyenaraianya di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Bhd pada 25 Julai ini.

IPO Heng Huat membabitkan terbitan awam 46.5 juta saham baru bernilai 10 sen setiap saham dan tawaran untuk jualan 14.66 juta saham sedia ada, pada harga 45 sen sesaham.

Daripada 46.5 juta saham awam baharu itu, tujuh juta ditawarkan untuk langganam orang ramai, manakala lima juta saham diperuntukkan kepada pekerja yang layak dan mereka yang memberi sumbangan kepada kejayaan kumpulan itu.